

ABSTRAK

Pencurian harta intelek merupakan satu daripada masalah kontemporari yang timbul dalam bidang fiqh jenayah. Senario ini muncul kesan daripada anjakan yang berlaku terhadap konsep harta yang mana istilah harta tidak hanya dibataskan kepada objek-objek fizikal tetapi juga meliputi sesuatu yang bersifat ma'navi seperti harta intelek. Urusniaga harta intelek merupakan satu bentuk transaksi yang diiktiraf oleh Syari'at Islam dan realiti semasa. Segala hukum transaksi kehartaan yang tertakluk ke atas harta-harta fizikal turut terpakai ke atas harta intelek. Walaubagaimanapun timbul persoalan tentang status harta intelek dalam fiqh jenayah. Harta intelek sebagaimana harta-harta fizikal yang lain, turut terdedah kepada pelbagai bentuk jenayah termasuk jenayah mencuri. Namun persoalannya, adakah harta intelek boleh menjadi harta curian yang membawa kepada perlaksanaan hukuman Hudud ke atas pencurinya ataupun tidak. Atas dasar inilah, kajian ini dibuat sebagai satu usaha untuk menilai kedudukan harta intelek sebagai barang yang dicuri dalam sesuatu kesalahan mencuri khusus dari perspektif hukum Hudud. Perbandingan akan dilakukan di antara ciri-ciri dan syarat-syarat barang curian yang disepakati oleh para fuqaha' dengan sifat-sifat dan ciri-ciri harta intelek. Berasaskan hasil analisa, diharapkan kajian ini dapat membuktikan bahawa sistem jenayah Islam khususnya hukum Hudud bersifat anjal dan relevan dengan setiap suasana, tempat dan zaman.